

# Umat Islam kena sentiasa bersyukur nikmat diperoleh

Kedatangan Ramadan pada tahun ini sepatutnya menjadikan umat Islam sentiasa bersyukur.

Pelbagai nikmat kita peroleh dan yakin kerajaan sentiasa memberi kemudahan kepada rakyat menerusi dasar yang proaktif.

Banyak pemberian kerajaan melegakan kehidupan rakyat ketika pelbagai kos semakin meningkat.

Seperti contoh, bantuan khas persekolahan RM100 untuk pelajar sekolah, baucar buku

RM200 untuk pelajar Tingkatan Enam dan institusi pengajian tinggi dan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang diagihkan kepada rakyat berpendapatan isi rumah kurang RM3,000.

Kerajaan juga memperkenalkan Kedai Rakyat 1Malaysia, Kedai Ikan 1Malaysia dan terkini Kedai Buku 1Malaysia dan Kedai Kain 1Malaysia.

Semua ini menunjukkan keprihatinan pemimpin dalam membantu mendidik anak men-

jadi tokoh masa hadapan.

Oleh itu, bersyukur adalah cerminan muhasabah diri pada Ramadan Mubarak ini.

Tidak dinafikan kemajuan sains dan teknologi banyak mendatangkan manfaat dalam kelangsungan kehidupan. Bagaimanapun kreativiti dan inovasi dalam media dan teknologi komunikasi menyajikan kepelbagaian menu maklumat di samping kaedah pergaulan tanpa kehadiran entiti manusia melalui laman sosial.

Ini cabaran masa kini pada era siber dalam bentuk anasir negatif yang bertentangan dengan perlembagaan negara, lantas seolah-olah mengingkari Rukun Islam ketiga.

Ramadan sepatutnya mengajar kita menjadi insan salih dan menggunakan teknologi maklumat sebaik mungkin.

Kita harus beribadat dan menjadikan Ramadan sebagai ruang mensyukuri nikmat.

**Zaheril Zainudin,**

Universiti Sains Islam Malaysia.

“  
Pelbagai nikmat  
kita peroleh dan  
yakin kerajaan  
sentiasa  
memberi  
kemudahan  
kepada rakyat  
menerusi dasar  
yang proaktif”